

Eksplorasi Sastera Kanak-Kanak Dan Adaptasi: Analisis Terhadap Filem Animasi 'Upin Dan Ipin: Keris Siamang Tunggal' Dan Buku Cerita Kanak-Kanak 'The Malay Tale of The Pig King'

Adaptation & The Exploration of Children's Literature: Analysis On the Animated Film 'Upin and Ipin: The Lone Gibbon Kris' The Children's Storybook 'The Malay Tale of the Pig King'

Nur Yuhanis Mohd Nasir^{1*}, Nurhamizah Hashim², Eizah Mat Hussain³ dan Abdul Mutalib Embong⁴

¹*Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia*

^{2,3}*Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia*

⁴*Pusat Pendidikan Asas & Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia*

¹Corresponding author: nuryuhanis@upm.edu.my

Published: 11 Oktober 2024

To cite this article (APA): Mohd Nasir, N. Y., Hashim, N., Mat Hussain, E., & Embong, A. M. (2024). Eksplorasi Sastera Kanak-Kanak Dan Adaptasi: Analisis Terhadap Filem Animasi 'Upin Dan Ipin: Keris Siamang Tunggal' Dan Buku Cerita Kanak-Kanak 'The Malay Tale of The Pig King'. *PENDETA*, 15(2), 52–64. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.4.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.4.2024>

ABSTRAK

Sastera kanak-kanak secara umum dianggap sebagai medium pendidikan penting, menyampaikan mesej-mesej moral, nilai murni, dan kebudayaan masyarakat setempat. Seiring dengan perkembangan teknologi moden, banyak cerita daripada sastera kanak-kanak telah diadaptasi ke dalam format baharu seperti buku bergambar dan animasi. Proses adaptasi ini sering melibatkan perubahan dan pengolahan semula pelbagai aspek cerita asal. Objektif artikel ini adalah untuk menjelaskan konsep sastera kanak-kanak Melayu dan membincangkan dua bentuk contoh adaptasi sastera kanak-kanak di Malaysia dengan menggunakan teori adaptasi Hutcheon sebagai kerangka kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa sastera kanak-kanak adalah genre yang kaya dengan potensi untuk diadaptasi ke pelbagai format. Melalui proses adaptasi, penceritaan asal dapat diubah, diperkaya, atau disesuaikan agar lebih menarik dan relevan dengan format penyampaian yang dipilih.

Kata kunci: Adaptasi; buku cerita bergambar; cerita animasi; sastera kanak-kanak; teori adaptasi Hutcheon; teknologi moden

ABSTRACT

In general, children's literature is considered as an educational medium for children. Stories in this genre are usually embedded with positive messages such as moral values, good deeds and local cultural knowledge. In accordance with the current development of modern technologies, stories from children's literature are being relived in new forms of presentation, for instance in the form of picturebooks and animated stories. There are also stories which are rewritten by altering certain aspects from the original versions through the process of adaptation. The purpose of this article is to explain about Malay children's literature and to discuss two forms children's literature adaptation done in Malaysia. Hutcheon's theory of adaptation is referred to in this qualitative research. Based on the analysis conducted, it can be concluded that children's literature is a genre with a wide potential as a source of adaptation. There are a variety of formats of presentation that can be used for adaptation which can be done by maintaining the original storyline or by adding information, altering or eliminating certain aspects in order to create an appealing story to suit the new story presentation.

Keywords: *Adaptation; animated story; children's literature, Hutcheon's theory of adaptation, modern technology, picturebook,*

PENGENALAN

Salmah (1981) menyatakan bahawa kesusasteraan untuk golongan kanak-kanak adalah untuk memberikan manfaat kepada kehidupan kanak-kanak serta membentuk peribadi dan pengalaman buat mereka. Menerusi penciptaan karya yang sesuai dengan keperluan biologi dan psikologi kanak-kanak, penciptaan karya sastera kanak-kanak mampu merangsang mereka untuk menghayati dan berfikir lebih jauh, seterusnya membantu pembentukan identiti yang unik bagi setiap kanak-kanak. Sastera kanak-kanak sering digunakan untuk merujuk kepada dua golongan sasaran, iaitu kanak-kanak dan juga remaja. Ada yang membincangkan dan melihat dua kelompok ini secara berasingan namun, untuk penulisan artikel ini, sastera kanak-kanak yang dikupas merangkumi golongan kanak-kanak kecil dan juga remaja. Secara umum, karya sastera kanak-kanak adalah khusus untuk dinikmati oleh golongan anak-anak kecil. Namun demikian, cerita-cerita daripada genre ini juga mampu menarik golongan dewasa. Sebagai contoh mudah, siri Harry Potter yang terkenal dari barat digemari oleh pelbagai lapisan umur walaupun ia boleh dianggap sebagai satu karya sastera kanak-kanak disebabkan watak utamanya adalah kanak-kanak. Para sarjana yang mengkaji tentang sastera kanak-kanak menyatakan kesukaran untuk mendefinisikan sastera kanak-kanak secara tepat mengikut peringkat umur yang tertentu, ditambah pula dengan perbezaan yang wujud berkaitan konsep kanak-kanak daripada satu budaya dengan budaya yang lain (Md. Sidin Ahmad Ishak, 2005).

Dalam konteks masyarakat Melayu, sebelum era teknologi, kesusasteraan merupakan medium atau perantara yang penting dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional. Cerita-cerita rakyat, legenda dan sejarah merupakan antara yang disampaikan daripada generasi tua kepada golongan lebih muda dan menjadi asas pendidikan nilai murni dalam diri individu (Adnan & Yaacob, 2023; Hashim, Hussain & Nasir, 2017). Kehadiran teknologi yang lebih moden kemudiannya membolehkan cerita-cerita tradisional diolah semula dalam bentuk penyampaian baharu, selaras dengan perkembangan teknologi dan citarasa masyarakat moden. Teknologi digital membolehkan manuskrip-manuskrip lama disimpan dalam bentuk digital melalui proses pendigitalan lalu membolehkan capaian yang lebih meluas. Tidak kurang juga proses penerbitan sastera-sastera lama dalam bentuk buku bercetak yang membolehkan lebih ramai golongan membaca serta menikmati cerita-cerita yang dahulunya disampaikan secara lisan. Cerita rakyat merupakan antara sastera kanak-kanak yang banyak diterbitkan dalam bentuk buku (Arba'ie et. al., 2014). Kemudian, menerusi teknologi dan proses yang lebih kompleks, ada juga cerita-cerita yang digarap semula menerusi proses adaptasi dan menjadikan penyampaian cerita-cerita tradisi lebih menarik untuk dihayati.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan objektif seperti berikut:

- i. Mengupas konsep sastera kanak-kanak dan adaptasi dalam konteks kesusasteraan Melayu tradisional.
- ii. Menganalisis dan menilai hasil karya adaptasi sastera kanak-kanak di Malaysia berdasarkan perspektif teori adaptasi.

Batasan Kajian

Artikel ini membincangkan konsep kesusasteraan kanak-kanak dan adaptasi dengan membuat kajian kepustakaan. Penulisan berkenaan karya adaptasi untuk artikel ini dibuat dengan menggunakan dua sumber sebagai bahan kajian, iaitu filem animasi "Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal" (UIKST) dan sebuah buku cerita berilustrasi "*The Malay Tale of the Pig King*" (TMTPK). Penelitian yang dilakukan

adalah untuk mengupas adaptasi yang dilakukan ke atas kedua-duanya sehingga menghasilkan karya adaptasi yang sesuai untuk golongan kanak-kanak.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dijalankan melalui kajian kepustakaan dan sorotan terhadap kajian-kajian lepas. Selain itu, analisis kandungan juga dilakukan ke atas dua karya adaptasi iaitu filem UIKST dan buku cerita TMTPK. Pemilihan bahan kajian ini adalah kerana kedua-duanya tergolong dalam genre sastera kanak-kanak dan tahun penghasilannya yang masih baharu iaitu tahun 2019 untuk UIKST dan tahun 2020 untuk TMTPK. Selain itu, kajian ke atas TMTPK juga dilakukan untuk meneruskan kajian terdahulu di bawah geran penyelidikan manuskrip Hikayat Raja Babi yang diperolehi daripada Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu, Universiti Malaya.

Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori adaptasi Hutcheon (2006). Teori ini menjelaskan tentang proses melakukan adaptasi sesebuah karya. Empat aspek yang perlu jelas dalam melakukan adaptasi adalah cara adaptasi, faktor untuk mengadaptasi, kumpulan sasaran karya adaptasi dan konteks cerita baharu yang diadaptasi.

Konsep Sastera Kanak-Kanak Melayu Tradisional Dan Moden

Sastera kanak-kanak adalah suatu genre sastera yang berkisarkan dunia kanak, sama ada secara bertulis mahupun lisan, merangkumi bentuk-bentuk penulisan kreatif yang dibaca dan dinilai oleh pembaca dari golongan kanak-kanak (Arba'ie et. al., 2014; Sutherland, 1986). Sastera kanak-kanak tidak hanya berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga sebagai medium untuk menyampaikan nilai dan norma sosial. Dengan memahami konteks budaya dan sosial di sebalik karya-karya ini, kita dapat mengenali bagaimana mereka membentuk identiti dan pemikiran anak-anak. Melalui sastera juga, kanak-kanak belajar tentang kehidupan, moral, dan interaksi sosial (Arba'ie, Lily Salwani & Nik Rafidah, 2011).

Nodelman (2008) menyatakan antara ciri-ciri karya sastera kanak-kanak ialah penyampaian cerita yang mudah, optimistik dan mempunyai penamat cerita yang membahagiakan (*Happy ending*). Pendapat ini dikritik oleh beberapa sarjana lain yang antaranya merasakan bahawa sastera kanak-kanak masa kini banyak memaparkan isu serta penceritaan yang lebih berat dan rumit (Nikolajeva, 2013). Sastera kanak-kanak dianggap sebagai suatu gambaran kehidupan dan pemikiran manusia yang disampaikan secara lisan mahupun tulisan, mengandungi elemen emosi dan dibatasi oleh peringkat umur kanak-kanak (Halimah, 1992). Perdebatan tentang ciri-ciri ini menunjukkan evolusi dalam pemikiran tentang apa yang dianggap sesuai untuk kanak-kanak. Karya yang lebih kompleks mungkin mencerminkan realiti sosial yang dihadapi oleh generasi muda, sekaligus menekankan pentingnya penceritaan yang mampu mencabar pemikiran kritis mereka. Hal ini juga membuka ruang untuk membincangkan batasan-batasan dalam penerimaan tema berat dalam sastera kanak-kanak.

Constantine (1966) menjelaskan tentang ciri-ciri kesusasteraan yang baik untuk kanak-kanak, antaranya memberikan pengalaman baharu yang dapat merangsang minda kanak-kanak untuk pembentukan identiti mereka, menyemai nilai-nilai positif serta sikap yang baik menerusi watak-watak dalam penceritaan dan meluaskan pengamatan estetika serta memberikan kefahaman kepada bentuk dan susunan menerusi bahasa, idea dan seni visual melalui buku-buku bergambar. Penceritaan yang kaya dengan watak dan pengalaman baru memberikan peluang untuk kanak-kanak mengenali diri dan dunia di sekitar mereka. Penekanan pada nilai positif dalam sastera bukan sahaja membentuk tingkah laku sosial, tetapi juga menyemai empati dan toleransi. Analisis terhadap watak dan elemen visual dalam buku bergambar juga dapat memperlihatkan bagaimana sastera kanak-kanak berfungsi sebagai alat pendidikan yang efektif.

Dalam masyarakat tradisional, cerita rakyat merupakan satu bentuk kesusasteraan untuk kanak-kanak. Cerita rakyat dahulunya disampaikan secara lisan namun pada masa kini, sudah banyak cerita rakyat yang dibukukan. Lebih menarik lagi, banyak cerita rakyat yang dibuat dalam bentuk buku cerita

berilustrasi, sesuai untuk pembaca dari kalangan kanak-kanak. Bagi masyarakat moden, teknologi percetakan membolehkan kanak-kanak menikmati cerita rakyat menerusi cerita bergambar yang dicetak dan diterbitkan dalam bentuk buku berilustrasi. Walaupun berbeza format penyampaian, fungsi cerita rakyat masih sama, iaitu sebagai medium pendidikan dan hiburan. Cerita rakyat bukan sahaja mengandungi unsur hiburan, tetapi juga berfungsi sebagai pengajaran budaya dan sejarah. Penukaran cerita rakyat kepada bentuk buku bergambar menandakan perubahan cara pengajaran nilai-nilai budaya kepada generasi muda. Ini juga menggalakkan warisan lisan agar tetap relevan dalam era digital yang serba pantas.

Rosma Kadir et. al. (2022) menyatakan bahawa terdapat tiga kategori cerita rakyat, iaitu mitos, lagenda dan cerita dongeng. Kisah dalam cerita rakyat menerapkan unsur pengajaran dan menyampaikan mesej yang berkaitan nilai murni. Dahulu, ia diturunkan secara lisan, mempunyai ciri-ciri khas budaya bangsa yang memiliki sesuatu kisah (cerita rakyat). Disebabkan oleh faktor seperti perdagangan dan migrasi, cerita-cerita rakyat yang sama telah tersebar dan mengalami perubahan menerusi penyesuaian budaya tempatan. Hal ini mengakibatkan wujudnya cerita yang sama atau seakan sama namun di benua yang berbeza. Pengkategorian ini membolehkan analisis lebih mendalam tentang bagaimana pelbagai jenis cerita rakyat memainkan peranan yang berbeza dalam mendidik dan menghiburkan kanak-kanak.

Kesimpulannya, sastera kanak-kanak adalah pengkaryaan dalam bentuk lisan atau bertulis yang dibuat untuk golongan kanak-kanak, mengandungi elemen yang bersifat mendidik dan merangsang minda kanak-kanak kepada perkembangan kognitif yang aktif (Arba'ie et. al., 2014). Dapat dilihat bahawa sastera kanak-kanak penting dalam perkembangan individu dan masyarakat. Sastera bukan hanya sekadar hiburan, tetapi merupakan alat yang berharga dalam pembentukan pemikiran kritis dan sosial kanak-kanak.

Konsep Adaptasi

Adaptasi dalam konteks kajian ini adalah mengenai peralihan bentuk media dalam tujuan menyampaikan cerita. Beberapa istilah lain yang digunakan untuk merujuk kepada adaptasi ialah ekranisasi, alih wahana, transformasi dan terjemahan (Bluestone, 1957; Damono, 2005). Antara sarjana yang terkenal dalam bidang adaptasi (kesusasteraan dan perfileman) ialah George Bluestone (1957), Robert Stam (2005) dan Linda Hutcheon (2006).

Bluestone (1957) dianggap sebagai perintis teori adaptasi dan menyifatkan bahawa penceritaan yang disampaikan secara bertulis (novel) dan dalam bentuk visual (filem) dihayati dengan dua cara yang berbeza. Hal ini kerana kedua-dua format penceritaan mempunyai kaedah penyampaian cerita yang tidak sama. Setiap media tersebut mempunyai kelainan dari segi ciri-ciri yang meletakkan setiap media itu dalam kelompok yang tersendiri (Bluestone, 1957). Cerita yang ditulis mempunyai tiga ciri utama, iaitu bersifat sementara, berjujukan dan tidak boleh undur manakala cerita dalam bentuk filem mempunyai ciri masa atau berdurasi dan fungsi kamera yang berperanan sebagai pencerita. Menerusi proses transformasi cerita untuk mengubah penyampaian dari satu media ke media yang lain, penceritaan asal berkemungkinan besar akan mengalami perubahan kerana setiap media mempunyai 'sifat' yang berbeza. Cerita dalam bentuk novel ditulis untuk tujuan bacaan manakala cerita dalam bentuk filem mempunyai kemampuan audio-visual dalam penyampaian (Bluestone, 1957: 14-21). Setiap media persembahan cerita baik teks mahupun visual masing-masing mempunyai kelebihan dan kelemahan tersendiri. Teks dalam sebarang bentuk bacaan mempunyai kelebihan dalam menyampaikan cerita melalui penulisan yang panjang dan terperinci berbanding filem kerana teks tidak mempunyai kekangan dari segi masa. Filem pula menyajikan cerita kepada penonton dengan keistimewaan audio-visual, maka penonton tidak perlu mengambil masa yang panjang untuk membaca cerita akan tetapi hal

ini pada masa yang sama mengekang penonton dari berimajinasi tentang cerita yang disampaikan (Rimata, Hasanuddin & Zulfadhli, 2013).


Teori Adaptasi Hutcheon (2006)

Teori adaptasi semakin berubah apabila perspektif terhadap teori ini lebih menjurus untuk melihat kepada aspek yang diadaptasi dan bukan sekadar membuat perbandingan antara karya asal dengan karya baharu yang diadaptasi. Menurut Hutcheon (2006), kejayaan karya adaptasi perlu dilihat pada kreativiti pengadaptasi menghasilkan cerita baharu yang tetap menghidupkan semangat karya asal. Apabila suatu karya popular diangkat sebagai sumber adaptasi, ia pasti melibatkan proses pengulangan cerita, pengubahsuaian cerita, pengkalan dan juga pembaharuan. Hal ini merupakan sesuatu yang pasti lebih-lebih lagi apabila proses adaptasi yang melibatkan perubahan media penyampaian cerita.

Adaptasi merupakan satu pengulangan cerita yang menghasilkan versi pada suatu cerita yang berulang kali diadaptasi. Kepelbagaian versi merupakan ilham dan daya kreativiti pengadaptasi dalam membentuk sebuah karya baharu melalui proses-proses pengubahsuaian. Selain versi, adaptasi juga melibatkan pemindahan media persembahan sekiranya format karya asal dan karya baharu adalah berbeza. Adaptasi boleh dilakukan daripada teks kepada lakonan drama, daripada filem kepada teater, daripada pengalaman peribadi kepada lukisan dan sebagainya. Pada kebiasaannya, sebuah karya yang dibuat berdasarkan karya lain akan menyatakan secara terbuka sumber yang menjadi rujukan adaptasi (Hutcheon, 2006: 6). Hal ini disebut sebagai transcoding yang membabitkan peralihan dari segi produk. Peralihan yang berlaku boleh melibatkan perubahan dari segi genre (sebagai contoh daripada kisah epik kepada kisah komedi) atau perubahan dari segi sudut pandangan (iaitu mengubah fokus cerita).

Adaptasi boleh juga dibincangkan dari aspek proses. Ia adalah suatu proses berkarya yang melibatkan aktiviti interpretasi semula dan rekaan semula. Pengadaptasi bebas untuk membuat sebarang perubahan ke atas cerita berdasarkan imajinasi sendiri dan tidak terikat kepada karya asal. Karya baharu dianggap tidak berhutang dengan karya asal. Empat aspek yang perlu dijelaskan apabila melakukan adaptasi adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1:

Rajah 1 :Aspek yang perlu dijelaskan apabila melakukan adaptasi



i. Cara adaptasi

Cerita merupakan pemalar atau denominator yang menjadi inspirasi kepada penghasilan suatu karya baharu menerusi proses adaptasi. Pemindahan dan perubahan sesebuah cerita boleh dibuat ke atas elemen seperti tema, peristiwa, watak, simbol dan sebagainya. Tema seperti percintaan dan kesengsaraan mampu mencetuskan kesan emosi kepada penikmat cerita (pembaca atau penonton) menerusi olahan cerita yang dipersembahkan sama ada dengan mengekalkan cerita asal ataupun melakukan perubahan. Selain tema, watak-watak dalam cerita juga boleh diubah, dikekalkan atau digugurkan.

Apabila proses adaptasi melibatkan perubahan media persembahan, cara penyampaian cerita juga akan berubah. Olahan cerita baharu perlu disesuaikan mengikut karektoristik media yang dipilih sebagai pelantar persembahan karya adaptasi. Cerita yang diadaptasi boleh dipendekkan atau dipanjangkan bagi memastikan karya adaptasi sesuai dengan format persembahan yang baharu. Antara perubahan yang boleh dilakukan oleh pengadaptasi adalah mengubah konflik atau kesudahan cerita. Hal ini juga ada disebut oleh Stam (2000) yang menyatakan sekiranya pemindahan kandungan (cerita) dibuat merentasi media yang berbeza, sedikit sebanyak akan mengakibatkan perubahan pada cerita baharu kerana wujudnya reformatting. Reformatting atau format semula terjadi kerana setiap media mempunyai ciri-ciri berbeza.

ii. Tujuan adaptasi

Apakah tujuan adaptasi cerita 'X' dilakukan? Hal ini perlu dijawab agar proses adaptasi menjadi lebih jelas. Terdapat beberapa faktor yang menjadi sebab suatu cerita diadaptasikan, antaranya:

- **Ekonomi:** Karya asal seperti novel popular pasti mempunyai peminat tersendiri. Mengadaptasi karya popular secara tidak langsung akan menarik golongan peminat karya asal dan hal ini pasti menyumbang keuntungan kepada pihak produksi karya adaptasi.
- **Budaya:** Adaptasi membolehkan nilai budaya ditransformasikan ke dalam suatu bentuk persembahan baharu agar sesuai mengikut budaya tertentu dan merentasi nilai budaya yang dipaparkan dalam karya asal. Selain itu, nilai budaya juga boleh diubah mengikut perubahan zaman jika perlu.
- **Kepentingan peribadi atau politik:** Apabila suatu adaptasi hendak dilakukan, apakah motifnya? Adakah adaptasi karya 'X' mempunyai kepentingan yang tertentu untuk mencapai sesuatu perkara? Selain mampu menjana keuntungan dari segi ekonomi, adaptasi juga mampu memberikan manfaat politik dan untuk tujuan peribadi. Sebagai contoh yang jelas untuk menerangkan faktor ini adalah apabila karya adaptasi menonjolkan figura atau tokoh pemimpin masyarakat yang disegani atau terkenal dalam sesuatu perjuangan.

iii. Kumpulan sasaran

Seperti mana-mana produk di pasaran, karya adaptasi juga perlu mengenal pasti golongan sasarannya. Dalam konteks adaptasi, karya baharu dihasilkan melalui proses pengulangan, perbezaan, persamaan dan pembaharuan atau penyesuaian dengan mengambil kira siapa sasaran karya adaptasi nanti. Penerimaan dan tanggapan pengguna sebagai audien dipengaruhi oleh faktor seperti jantina, umur, latar belakang, tahap akademik serta pengalaman. Sebagai contoh, golongan kanak-kanak perempuan lebih menggemari kandungan bersifat naratif serta role-play manakala kanak-kanak lelaki lebih cenderung kepada cerita adiwira dan aksi. Bagi golongan dewasa, audien wanita meminati kandungan yang mempunyai jalan cerita berkaitan dengan interaksi sosial serta pengalaman harian manakala audien lelaki lebih meminati sesuatu yang penuh aksi.

Adaptasi juga memberi faedah dalam bidang pendidikan khususnya golongan pendidik dan pelajar. Penerbitan semula kandungan sastera klasik dalam gaya baharu seperti perisian pengajaran dan pembelajaran dapat membantu pemahaman pelajar terhadap konsep yang sukar. Perkara ini berkaitan dengan intertekstualiti yang berlaku dalam proses mengadaptasi. Selain sastera klasik, teks moden yang mempunyai nilai positif dalam penceritaan juga dilihat sebagai kandungan yang penting untuk dijadikan bahan adaptasi untuk tujuan pendidikan.

iv. Konteks

Suatu karya adaptasi dilingkungi dengan batas waktu, masa, masyarakat dan budaya yang memberi identiti pada kandungannya. Batasan ini mempengaruhi intipati yang mencorakkan suatu persembahan adaptasi. Sebagai contoh, fesyen busana yang dipamerkan dalam cerita dipengaruhi oleh faktor masa atau zaman yang menjadi latar belakang cerita. Namun begitu, menerusi adaptasi, faktor zaman dan lain-lain boleh diubah mengikut intepretasi serta kreativiti pengadaptasi menyesuaikan karya baru dengan audien.

Aspek bahasa yang digunakan dalam persembahan suatu cerita boleh diubah menerusi adaptasi merentasi budaya. Perubahan pada bahasa sering kali mengakibatkan perubahan pada aspek lain seperti tempat, masa dan fahaman politik. Selain itu, perubahan dari segi latar masyarakat dan sosiopolitik turut terkesan dengan perubahan ini. Hal ini membentuk kesan rantaian pada kandungan adaptasi yang disebabkan oleh perubahan transbudaya.

Dari sudut audien pula, aspek ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti keadaan semasa, teknologi yang digunakan, fahaman agama dan sebagainya. Melakukan adaptasi pada suatu karya bukan suatu kerja mudah yang hanya membabitkan aktiviti peralihan media persembahan atau alih bahasa sahaja tetapi juga melibatkan pemindahan maksud atau mesej suatu karya untuk ditanggap oleh audien menerusi mod interaksi yang dipilih.

Kajian Lepas

Setyorini (2020) dalam artikelnya bertajuk “Perbandingan cerita rakyat Bawang Merah Bawang Putih dan Bamei Liangmei mencari persamaan dan perbezaan unsur intrinsik dalam kedua-dua cerita tersebut yang merupakan cerita rakyat dari Indonesia dan negara China. Kajian yang dibuat secara kajian kepustakaan ini menemukan bahawa terdapat beberapa persamaan antara cerita Bawang Merah Bawang Putih dengan Bamei Liangmei walaupun cerita-cerita adalah dari negara yang berbeza. Antara persamaan yang nyata ialah tema cerita, bilangan watak dan watak utama cerita. Perbezaan antara kedua-duanya pula adalah dari segi latar kebudayaan yang mana setiap cerita memaparkan nilai budaya tempatan yang tersendiri. Kajian Setyorini dirujuk memandangkan ia mengkaji tentang sebuah cerita rakyat yang juga terkenal di Malaysia, iaitu Bawang Merah Bawang Putih yang mana cerita ini juga terdapat dalam salah satu bahan kajian yang dibincangkan dalam artikel ini.

Ahmad Nizam (2009) dalam artikelnya yang bertajuk “Film Animasi Malaysia: Narasi Verbal ke Visual” menyentuh mengenai filem animasi dua dimensi (2D) tempatan bertajuk “Putih” yang dihasilkan pada tahun 2001. Filem tersebut merupakan karya adaptasi cerita rakyat Melayu tradisional yang lebih dikenali dalam kalangan masyarakat dengan tajuk “Bawang Merah Bawang Putih”. Menurut Ahmad Nizam, kisah yang sama pernah diadaptasikan dalam bentuk filem pada tahun 1959. Filem animasi Putih menceritakan tentang seorang gadis bernama Putih yang mempunyai rupa paras cantik, bijak dan baik hati. Namun selepas kematian bapanya, kehidupan Putih menjadi sukar akibat sering didera oleh ibu tiri dan kakak tirinya. Kisah ini berakhir dengan penamat cerita yang membahagiakan bila mana Putih bertemu jodoh dan berkahwin dengan seorang putera raja. Menerusi analisis intraestetik, Ahmad Nizam menumpukan kepada teknik dan kaedah pembangunan animasi filem Putih secara keseluruhan. Kajian ini dirujuk kerana ia berkaitan adaptasi sastera kanak-kanak, iaitu kisah Bawang Merah Bawang Putih. Tambahan pula, kisah yang sama juga menjadi sebahagian daripada adaptasi yang terdapat dalam filem UIKST yang akan diteliti dalam penulisan artikel ini.

Hanafi & Zufazlan (2021) dalam kajian bertajuk “Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal: Agen Didaktik pada Layar” membincangkan filem animasi tiga dimensi (3D) yang diterbitkan pada tahun 2019. Secara umumnya, filem ini adalah mengenai pasangan kembar bernama Upin dan Ipin yang melalui pengembaraan masa bersama beberapa orang rakan mereka. Dalam penceritaan filem ini, diselitkan jalan cerita yang dibuat berdasarkan adaptasi beberapa cerita rakyat Melayu tradisional, iaitu cerita “Mat Jenin”, “Si Tanggang”, “Bawang Merah Bawang Putih” dan “Raja Bersiong”. Perkara yang diketengahkan menerusi adaptasi cerita-cerita rakyat dalam filem Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal adalah perdamaian antara dua pihak berkonflik. Mesej yang menunjukkan perbuatan memaafkan,

penyesalan dan semangat juang diketengahkan menerusi watak-watak seperti mana yang terdapat dalam cerita asal Mat Jenin, Si Tanggang, Bawang Merah Bawang Putih dan Raja Bersiong. Kajian Hanafi & Zufazlan (2021) dibincangkan dalam penulisan artikel ini sebagai rujukan berkaitan filem Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal.

Seterusnya, Nasir et. al. (2023) dalam kajian bertajuk “The Malay Tale of the Pig King (2015): An Adaptation of Hikayat Raja Babi (1775)” membuat perbandingan antara teks asal Hikayat Raja Babi yang ditulis pada tahun 1775 dengan karya adaptasi teks tersebut, iaitu buku cerita berilustrasi dengan tajuk “The Malay Tale of the Pig King”. Berdasarkan analisis kandungan yang dijalankan, kajian tersebut mendapati bahawa walaupun kisah mengenai Raja Babi (watak utama) dikekalkan dalam karya adaptasi, beberapa bahagian daripada jalan cerita asal telah dipotong. Selain daripada itu, watak-watak dan kejadian atau babak yang kurang signifikan digugurkan dalam olahan cerita adaptasi. Bagi menyesuaikan persembahan cerita dalam format baharu, iaitu buku cerita berilustrasi yang menyasarkan pembaca dari kalangan kanak-kanak, kisah The Malay Tale of the Pig King disampaikan dengan iringan ilustrasi berwarna yang sesuai dengan penceritaan. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, artikel ini merupakan kesinambungan daripada kajian yang dijalankan di bawah geran penyelidikan manuskrip Hikayat Raja Babi. Oleh sebab itu, kajian Nasir et. al (2023) dibincangkan sebagai lanjutan kepada kajian yang telah dilakukan.

Analisis Adaptasi Upin Dan Ipin: Keris Siamang Tunggal (UIKST) Dan *The Malay Tale of the Pig King* (TMTPK)

A. *Adaptasi cerita rakyat dalam filem UIKST*

Filem animasi 3D UIKST berdurasi satu jam tiga puluh sembilan minit. Filem ini bermula dengan sepasang kanak-kanak kembar bernama Upin, Ipin bersama-sama dengan rakan-rakan mereka, iaitu Mail, Jarjit, Raju, Mei Mei, Susanti, Fizi dan Ehsan menemukan sebilah keris lama dalam stor simpan jiran mereka yang dikenali sebagai Tok Dalang. Menurut Tok Dalang, keris tersebut diperoleh daripada seorang lelaki tua dan nama keris itu ialah Keris Siamang Tunggal. Pada hulu keris itu, terdapat inskripsi dalam tulisan Jawi yang berbunyi “Dua sinar sebagai petanda, hilang gelap datang cahaya”. Setelah membaca inskripsi itu, Upin, Ipin dan rakan-rakan mereka telah jatuh ke suatu alam kayangan, dikenali sebagai Inderaloka dan dari situlah pengembaraan mereka bermula. Sepanjang pengembaraan ini, Upin, Ipin dan rakan-rakan mereka telah bertemu dengan beberapa watak dan peristiwa yang signifikan dalam beberapa karya kesusasteraan Melayu tradisional. Watak dan peristiwa yang dimaksudkan ialah Mat Jenin, Belalang, Pak Belalang, Raja Bersiong, Mak Deruma, Bawang Merah, Bawang Putih Batu Belah Batu Bertangkup dan peristiwa pulau dilanda oleh ikan todak.

Secara ringkas, UIKST mengisahkan pengembaraan Upin, Ipin dan rakan-rakan setelah jatuh ke Inderaloka. Matlamat mereka sebenarnya adalah untuk kembali ke pangkuan keluarga masing-masing dan untuk keluar daripada Inderaloka. Cabaran demi cabaran yang dihadapi oleh Upin, Ipin dan rakan-rakan adalah apabila bertemu dengan watak-watak yang berasal daripada cerita Melayu tradisional. Jadual 1 meringkaskan maklumat bahagian cerita UIKST yang merupakan adaptasi daripada cerita sedia ada:

Jadual 1: Maklumat berkaitan bahagian cerita UIKST yang merupakan adaptasi daripada sastera Melayu tradisional

Bil.	Nama watak/ Peristiwa	Sumber asal / Ringkasan cerita	Olahan dalam UIKST
1.	Mat Jenin	Cerita rakyat bertajuk Mat Jenin. Mengisahkan tentang seorang pemuda yang kuat berangan tetapi malas bekerja	Mat Jenin kuat berangan, ingin menjadi kaya dan berkahwin dengan anak raja. Hakikatnya, Mat Jenin adalah pewaris takhta Inderaloka yang sebenar, berani menentang musuhnya; Raja Bersiong.
2.	Raja Bersiong	Legenda terkenal dari Kedah; Raja Bersiong. Mengisahkan tentang seorang raja yang zalim dan mempunyai tabiat meminum darah.	Raja Bersiong seorang yang zalim, telah merampas takhta Inderaloka daripada raja sebenar yang memerintah. Dalam UIKST, ada babak yang menunjukkan Raja bersiong minum cecair berwarna merah daripada gelas.
3.	Mak Deruma	Cerita rakyat; Si Tanggang. Dalam kisah Si Tanggang, watak Tanggang adalah seorang anak lelaki yang derhaka kepada ibunya. Setelah beristerikan wanita kaya, Tanggang tidak mengaku bahawa Mak Deruma adalah ibu kandungnya kerana merasa malu bahawa ibunya seorang yang miskin. Mak Deruma telah berkecil hati lalu menyumpah anaknya menjadi batu ketika sedang berlayar di lautan.	Mak Deruma sering melihat Si Tanggang yang telah menjadi batu di tengah lautan. Dia menyesali perbuatannya yang menyumpah anaknya. Akhirnya, ketika berbual dengan Upin, Mak Deruma memaafkan anaknya, Si Tanggang dan menyatakan kekesalannya menyumpah anaknya menjadi batu. Sumpahan terlerai dengan kemaafan tersebut.
4.	Todak (babak)	Singapura dilanda todak. Ada disebutkan dalam Sulatus Salatin (Abdullah & Bahaman, 2017). Pernah diterbitkan dalam bentuk filem dengan tajuk yang sama. Mengisahkan Singapura yang dilanda ikan todak akibat sumpahan daripada orang teraniaya.	Dalam UIKST, selepas Mak Deruma memaafkan Tanggang, Mat Jenin & Upin berebut Hulu Keris Siamang Tunggal. Ketika itulah pulau tempat mereka berada diserang ikan todak.
5.	Bawang Merah Bawang Putih	Bawang Merah Bawang Putih (Bawang Merah & Bawang Putih). Cerita rakyat Melayu berkenaan sepasang adik-beradik yang berlainan sikap.	
6.	Nujum Pak Belalang	Cerita jenaka Melayu bertajuk "Pak Belalang" (Mastura Muhammad, 2006). Pernah dibuat dalam bentuk filem dengan tajuk "Nujum Pak	Watak Belalang dalam UIKST adalah seorang kanak-kanak lelaki yang bijak, tangkas dan berani. Pak Belalang dalam UIKST dipanggil oleh watak

bersambung

		Belalang” pada 1956 oleh Seniman Agung Allahyarham P.Ramlee. Mengisahkan tentang Belalang dan bapanya yang hidup dalam kemiskinan. Bagi meneruskan kelangsungan hidup mereka, Belalang telah berbohong kepada penduduk kampung bahawa bapanya seorang ahli nujum. Pak Belalang kemudian dilantik menjadi nujum oleh sultan.	Raja Bersiong untuk membuat tilikan tentang keberadaan keris Siamang Tunggal dan diperintahkan untuk mendapatkan keris tersebut.
7.	Batu Belah Batu Bertangkup	Cerita rakyat bertajuk “Batu Belah Batu Bertangkup” (Kurnianto, 2018). Mengisahkan seorang ibu tunggal bernama Mak Minah yang mempunyai tiga orang anak. Mak Minah kecewa kerana anak-anaknya tidak menghormati dirinya lalu meminta ‘Batu Belah Batu Bertangkup’ untuk menelan dirinya. Akibat daripada itu, hanya rambut Mak Minah yang terjurai keluar daripada Batu Belah yang telah melannya.	Mat Jenin yang berangan mendapatkan rambut ajaib untuk ditukarkan dengan emas. Dalam pencariannya, Mat Jenin telah sampai ke Batu Belah Batu Bertangkup dan rambut ajaib yang dicari Mat Jenin ada di situ.

Sebagai suatu jenama animasi Malaysia, ciri-ciri khusus untuk ‘Upin & Ipin’ seperti mana yang terdapat pada siri animasi dan filem-filem Upin & Ipin yang lain masih dikekalkan dalam filem UIKST (iaitu aktiviti Upin, Ipin bersama-sama rakan-rakan mereka). Namun, UIKST yang merupakan sebuah filem, pastinya menampilkan kelainan terutamanya pada elemen penceritaan yang lebih berat berbanding siri Upin & Ipin. Menerusi filem UIKST, Upin, Ipin dan rakan-rakan sekali lagi mengembara dan berdepan dengan beberapa misi mencabar. Keistimewaan jalan cerita dan pengembaraan kali ini adalah kerana ia dibuat berdasarkan adaptasi kisah-kisah cerita rakyat Melayu tradisional (Jadual 1).

Filem UIKST mengadaptasi watak dari cerita ‘Mat Jenin’, ‘Raja Bersiong’, ‘Si Tanggang’, ‘Bawang Merah Bawang Putih’ dan ‘Pak Belalang’. Watak yang diambil masih menggunakan nama yang sama, iaitu Mat Jenin, Raja Bersiong, Mak Deruma (ibu kepada Si Tanggang), Bawang Merah, Bawang Putih, Belalang dan Pak Belalang. Setiap bahagian cerita yang diadaptasikan tidak terlalu panjang dan jalan cerita berkembang dengan pantas. Namun, adaptasi yang dibuat mudah dikenal pasti kerana dalam UIKST, setiap watak tersebut mengalami peristiwa atau memaparkan sifat yang signifikan dengan cerita rakyat yang menjadi inspirasi adaptasi. Kajian ini juga mendapati bahawa adaptasi cerita rakyat dalam filem UIKST adalah dengan mengekalkan elemen watak, peristiwa dan simbol daripada cerita asal. Hal ini adalah selaras dengan teori adaptasi yang menyatakan bahawa suatu karya adaptasi boleh dianggap berjaya apabila semangat daripada karya asal dihidupkan semula dalam penceritaan baharu (Hutcheon, 2006). Dalam UIKST, aspek ini dicapai menerusi pengekaln peristiwa, watak dan simbol yang signifikan dengan setiap cerita yang menjadi sumber adaptasi.

B. Adaptasi teks Hikayat Raja Babi kepada buku cerita berilustrasi TMTPK

The Malay Tale of the Pig King secara asasnya adalah sebuah bahan bacaan untuk kanak-kanak. Hal ini adalah memandangkan adaptasi yang dibuat adalah dalam bentuk buku cerita berilustrasi. Penulis buku ini juga ada menyatakan secara jelas bahawa buku TMTPK disasarkan kepada pembaca berusia 9

hingga 12 tahun (Kaur, 2020). Bersesuaian dengan format adaptasi yang dipilih, jalan cerita dalam TMTPK banyak diringkaskan berbanding penceritaan asal Hikayat Raja Babi (HRB), iaitu dengan menggugurkan watak-watak yang kurang signifikan, mengekalkan babak-babak yang penting serta menggantikan penulisan puitis seperti pantun (yang terdapat dalam HRB) dengan bentuk penulisan yang lebih ringkas dan tidak berkias. Konteks penceritaan TMTPK masih mengekalkan ‘zaman’ yang sama sepertimana yang terdapat dalam HRB. Hal ini boleh difahami secara tidak langsung berdasarkan kepada penulisan yang dibuat permulaan cerita dengan ayat “Once there lived a King and Queen.....”.

Dapatan Kajian mengenai Adaptasi dalam UIKST dan TMTPK

Berikut adalah antara perkara yang diperoleh daripada analisis yang dibuat ke atas kedua-dua bahan kajian:

i. Cara adaptasi UIKST dan TMTPK

Adaptasi dalam UIKST merupakan adaptasi longgar yang hanya mengambil elemen-elemen yang signifikan daripada tujuh buah cerita rakyat yang digabungkan untuk membentuk jalan cerita kepada filem UIKST. TMTPK pula menghasilkan penyampaian cerita baharu yang masih identik dengan cerita asal HRB walaupun beberapa perkara telah digugurkan. Hal ini adalah selaras dengan teori adaptasi yang ada menyentuh tentang pemindahan dan perubahan cerita yang boleh dilakukan pada elemen tema, peristiwa, watak dan simbol menerusi proses adaptasi (Hutcheon, 2006). Adaptasi yang dihasilkan menerusi UIKST dan TMTPK adalah bersesuaian dengan format karya adaptasi, iaitu filem animasi dan juga buku cerita berilustrasi.

ii. Tujuan adaptasi UIKST dan TMTPK

Filem UIKST merupakan sebuah filem yang ditayangkan di pawagam manakan TMTPK dicetak dan dipasarkan kepada masyarakat umum. Maka, kedua-duanya diadaptasikan adalah untuk tujuan komersial.

iii. Sasaran adaptasi UIKST dan TMTPK

Secara asasnya, kedua-dua karya, iaitu UIKST dan TMTPK adalah signifikan untuk golongan kanak-kanak.

iv. Konteks adaptasi UIKST dan TMTPK

Penceritaan dalam UIKST yang melibatkan pengembaraan watak Upin dan Ipin bersama rakan-rakan mereka kembali ke suatu zaman dahulu kala. Di sini, elemen ‘zaman’ dan aspek budaya adalah selaras seperti mana yang terdapat dalam kisah-kisah Melayu tradisional. Begitu juga dengan penceritaan dalam TMTPK yang boleh dianggap sebagai suatu cerita yang berkisarkan suatu zaman dahulu kala.

KESIMPULAN

Walaupun peredaran masa telah banyak mengubah kehidupan manusia, cerita masih memainkan peranan sebagai perantara komunikasi yang berkesan yang mengandungi bermacam-macam bentuk pengajaran serta didikan. Walaupun perubahan zaman turut mengubah cara penyampaian cerita, kepentingan cerita dalam kehidupan manusia tidak dapat dinafikan. Sastera kanak-kanak, khususnya sastera Melayu tradisional mempunyai banyak potensi untuk diolah semula dalam bentuk penyampaian baharu. Genre ini sememangnya mempunyai pelbagai cerita-cerita menarik, sesuai dengan golongan kanak-kanak. Walaupun telah ada beberapa karya adaptasi yang dibuat oleh pengkarya tempatan, masih banyak lagi cerita daripada sastera Melayu tradisional untuk kanak-kanak yang belum dieksplorasi dan diperkenalkan kepada masyarakat masa kini. Jika dibiarkan begitu sahaja, ia pasti akan terus tersimpan tanpa diketahui umum dan hal ini merupakan satu kerugian kepada masyarakat Malaysia yang sebenarnya mewarisi suatu khazanah yang cukup berharga dalam bentuk karya kesusasteraan. Mengadaptasi cerita-cerita sastera sudah pasti dapat menghidupkan kembali cerita yang hampir

terkubur. Pelbagai format boleh dipilih sebagai bentuk penyampaian baharu bagi cerita adaptasi dan proses kreatif menerusi adaptasi membolehkan pengkarya membuat olahan cerita baharu yang menarik dan terus menyumbang ke arah kelestarian kesusasteraan Melayu.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada kajian yang dijalankan di bawah geran penyelidikan UM.0000002/ADA.BM.PT.01 yang diperoleh daripada Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu, Universiti Malaya.

RUJUKAN

- Abdullah, S. F. L., & Bahaman, B. (2017). *Sulalatus Salatin sebagai medium mendidik nilai murni*. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 5(1), 213–232.
- Adnan, T. S. N. S. T., & Yaacob, M. F. C. (2023). Akal Budi Orang Melayu menerusi Cerita-cerita Rakyat: The Common Sense of the Malays through Folk Stories. *PENDETA*, 14(2), 56-70.
- Affendi, N. R. N. M. (2013). *Unsur fantasi sebagai medium pengajaran dalam sastera kanak-kanak*. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 1(1), 210–227.
- Ahmad Nizam bin Othman, & Othman, A. N. B. (2009). *Film animasi Malaysia: Narasi verbal ke visual*. ITB J. Vis. Art & Des, 3(1), 79–88.
- Arba'ie, S., Nurul Azimah, A. S., Nik Rafidah, N. M. A., & Intan Zahariah, G. (2014). *Ekspresi emosi melalui bahan bacaan sastera kanak-kanak*. Jurnal Melayu, 13, 72–84.
- Arba'ie, S., Liliy Salwani, R., & Nik Rafidah, N. M. A. (2011). Fenomena Sosial dalam Cerita Rakyat Kanak-Kanak/Arba'ie Sujud, Liliy Salwani Bt Razali, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. *Pendeta: Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*, 2(1), 138-151.
- Arumugam, K., & Ali, R. M. (2019). *Buku kanak-kanak: Analisis unsur estetika*. *PENDETA*, 10, 151–165.
- Constantine, G. (1996). *Children and literature*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Halimah Badiozaman. (1992). *Sastera kanak-kanak: Pembentukan pemikiran dan pemupukan nilai-nilai murni*. Dewan Sastera, 5.
- Hanafi, J., & Jumrah, Z. (2021). *Upin & Ipin keria siamang tunggal: Agen didaktik pada layar budaya*. In *Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (RENTAS 2021)*, UUM, Sintok, Kedah.
- Hashim, N., Hussain, E. M., & Nasir, N. Y. M. (2017). Unsur Psikologi Maslow Dalam Novel Terpilih: Maslow's Psychological Elements in Selected Novels. *PENDETA*, 8, 72-81.
- Kurnianto, E. A. (2018). *Cerita rakyat batu belah batu betangkap sebagai bentuk resistensi perempuan terhadap wacana peran ganda*.
- Md. Sidin Ahmad Ishak. (2005). *Perkembangan sastera kanak-kanak di Malaysia: Buku Melayu mencari nafas baru*. Cerdik Publications Sdn Bhd.
- Muhammad, M. (2006). *Prinsip dan konsep bentuk filem Nujum Pak Belalang*. Jurnal Skrin Malaysia, 3, 171–188.
- Nasir, N. Y. M., Hussain, E. M., Hashim, N., & Embong, A. M. (2023). *The Malay tale of the Pig King (2015): An adaptation of Hikayat Raja Babi (1775)*. Malay Literature, 36(2).
- Nodelman, P. (2008). *The hidden adult: Defining children's literature*. JHU Press.
- Nikolajeva, M. (2013). *Children's literature*. In *The Routledge history of childhood in the western world* (pp. 313–328). Routledge.
- Rosma Kadir, R., Kasim, R., & Limbanadi, Y. (2022). *Perbandingan cerita rakyat Bawang Merah dan Bawang Putih, Cinderella, dan Si Cantik Vasilisa*. Jentera: Jurnal Kajian Sastra, 11(1), 68–76.
- Salmah Ayob. (1981). *Sastera untuk kanak-kanak: Fungsi dan implikasinya*. Pendidik dan Pendidikan, 3(1), 73–82.
- Setyorini, K. A. (2020). *Perbandingan cerita rakyat Bawang Merah Bawang Putih dan Bamei Liangmei*. Century: Journal of Chinese Language, Literature and Culture, 8(1), 68–75.

Sutherland, Z. (1986). *Children and books*. London: Scott Foresman.

Zaini-Lajoubert, M. (2010). *Karya sastra Melayu moden yang berilhamkan karya sastra Melayu lama*. Jurnal Terjemah Alam & Tamadun Melayu, 1(2), 113–114.